

SOALAN 2 – MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Sila tulis huruf (B) bagi ayat yang **BETUL** dan (S) bagi ayat yang **SALAH**.

bil	soalan	(B) atau (S)
1.	Peraturan perlu dipatuhi walaupun di mana kita berada	
2.	Bergotong-royong dapat merapatkan silaturahim.	
3.	Sebagai anak, kita perlu meminta upah jika disuruh melakukan tugas di rumah.	
4.	Pintalah harta ibu bapa kamu sebelum mereka meninggal dunia.	
5.	Kita tidak perlu menjaga nama baik keluarga kita ketika kita belajar di luar negara.	
6.	Pakaian yang menjolok mata lebih dihormati dan disanjung.	
7.	Amalan ziarah-menziarahi bermaksud berkunjung atau pergi ke tempat tinggal kaum kerabat atau sanak saudara.	
8.	Apabila mendengar lagu kebangsaan, kita hendaklah menari.	
9.	Kawan boleh menjadi lawan jika kita tersalah pilih.	
10.	Penjual rokok boleh menjual rokok kepada individu yang berumur di bawah 18 tahun	

bil	soalan	(B) atau (S)
11.	Mematuhi peraturan sekolah adalah perbuatan yang sangat dipuji.	
12.	Berhati-hati apabila menerima pemberian kawan.	
13.	Jangan sekali-kali kita cuba untuk merapatkan hubungan kita dengan jiran kita.	
14.	Berkawan dengan pencuri boleh menjamin masa hadapan yang cerah.	
15.	Pembakaran sampah secara terbuka akan menyebabkan pencemaran udara yang sangat teruk.	
16.	Menggunakan nada suara yang sesuai ketika bergaul.	
17.	Orang yang lalai dan tidak bijak menggunakan masa belum tentu boleh berjaya sekalipun ia seorang murid yang cerdik.	
18.	Melibatkan diri dengan pengambilan dadah boleh membawa kita kepada kemusnahan dan kematian.	
19.	Sikap memohon maaf atas kesalahan yang dilakukan boleh membawa kebaikan dan keceriaan hidup.	
20.	Meninggalkan solat adalah tergolong dalam perbuatan orang yang ingkar.	

(20 markah)

SOALAN 3 - MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

WARISAN BRUNEI

tinggi	bekerjasama	tradisional	muda	dipelihara
pemedulian	asal-usul	dijaga	asli	budaya

Warisan budaya mestilah (1)_____ dan (2)_____ supaya tidak pupus. Sikap (3)_____ adalah sangat digalakkan dan disanjung (4)_____ oleh masyarakat. Setiap ahli masyarakat perlulah (5)_____ dalam memperkenalkan warisan bangsa kepada golongan (6)_____. Kita mestilah bangga dengan warisan (7)_____ di negara ini. Setiap bangsa di dunia ini bangga dengan warisan budaya masing-masing. Melalui warisan budaya dapat menunjukkan (8)_____ sesuatu bangsa. Para pelajar mestilah mencintai warisan budaya negara kita sama ada bermain alat-alat muzik (9)_____ atau menyanyikan lagu-lagu (10)_____. Sekiranya kita tidak mengetahuinya maka kita hendaklah mempelajarinya dengan gigih.

(10 markah)

SOALAN 4 – MEMILIH DAN MENYENARAikan NILAI-NILAI

Lihat jadual di bawah ini. Senaraikan ciri-ciri kelakuan yang baik dan kelakuan yang tidak baik berdasarkan maklumat yang disediakan.

- ❖ Bersedekah dengan ikhlas.
- ❖ Suka menyinggung perasaan.
- ❖ Amalan ziarah-menziarahi.
- ❖ Bergurau senda.
- ❖ Perasaan benci.
- ❖ Mencerahkan kasih sayang.
- ❖ Menyakitkan hati keluarga.
- ❖ Berkata-kata apabila memberi sesuatu.
- ❖ Bersopan santun.
- ❖ Suka menipu ibu bapa.

KELAKUAN YANG BAIK	KELAKUAN YANG TIDAK BAIK
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

(10 markah)

SOALAN 5 – PADANKAN AYAT

Padankan **PERKATAAN** di dalam **Petak A** yang sesuai maksudnya dengan **Petak B**. Tuliskan **HURUF** di ruang jawapan yang disediakan di dalam **Petak A**.

PETAK A			PETAK B	
Perkataan		JAWAPAN	Maksud	
1	Kolaj		A	Mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara
2	Paramedik		B	Sejenis bahan pewarna biru untuk pakaian
3	Nila		C	Teknik atau cara membuat gambar daripada pelbagai jenis bahan seperti cebisan kertas, kain dan foto
4	Patriotik		D	Urat yang menghubungkan otak dengan bahagian-bahagian dalam tubuh badan
5	Kerana nila setitik rosak susu sebelanga		E	Sejenis tumbuhan (herba untuk rempah atau ubat)
6	Walangan		F	Orang yang tugasnya membantu atau melengkapi kerja-kerja yang ada kaitan dengan bidang perbuatan
7	Badudun		G	Maklumat yang sangat berguna
8	Jintan selasih		H	Berkunjung ke rumah keluarga
9	Tip		I	Melakukan suatu kesalahan , seluruh ahli keluarga juga mendapat malu
10	Saraf		J	segan

(10 markah)

SELESAI

😊SEMOGA BERJAYA😊